

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**
17 APRIL 2020

PERKARA : 5(B)(XIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

10. Bolehkah setiap wakil rakyat diberi peruntukan khas untuk bencana setiap tahun yang hanya boleh digunakan untuk tujuan kebajikan dan kesihatan apabila bencana berlaku?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan akaun khas bagi semua YB ADUN berjumlah RM200,000.00 setiap tahun bagi membolehkan YB ADUN memberi bantuan segera dan kecemasan kepada masyarakat di KADUN masing-masing termasuk bantuan semasa bencana. Peruntukan ini disalurkan secara berperingkat iaitu sejumlah RM50,000.00 bagi setiap suku tahun.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga tiada halangan untuk menyalurkan peruntukan tambahan kepada YB ADUN bagi membantu masyarakat yang terjejas sekiranya berlaku kejadian bencana besar seperti wabak COVID-19 ini. Bagi menangani kesan wabak COVID-19 ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan khas tambahan berjumlah RM30,000.00 kepada setiap YB ADUN di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) dengan implikasi kewangan keseluruhan sebanyak RM1.2 juta.

Oleh yang demikian, keperluan penyediaan peruntukan khas kepada wakil rakyat khusus untuk bencana setiap tahun adalah tidak berbangkit kerana peruntukan akaun khas yang disalurkan setiap suku tahun boleh digunakan bagi memberi bantuan kepada masyarakat semasa bencana dan peruntukan tambahan boleh disalurkan oleh Kerajaan Negeri sekiranya terdapat keperluan nanti.

